

***Promosi Gabungan Akaun Semasa/Akaun Simpanan
(CASA) dan Simpanan Tetap (“FD”) – Terhad untuk
Wilayah Malaysia Timur Alliance Bank Sahaja***

Terma dan Syarat

1. "Promosi Gabungan Akaun Semasa/Akaun Simpanan (CASA) dan Simpanan Tetap ("FD") – Terhadap untuk Wilayah Malaysia Timur Alliance Bank Sahaja" ("Promosi") dianjurkan oleh Alliance Bank Malaysia Berhad ("Bank") dan akan berlangsung dari **1 Jun 2026 hingga 31 August 2026** ("Tempoh Promosi") untuk cawangan di Wilayah Malaysia Timur Sahaja; termasuk kedua-dua tarikh, kecuali dinyatakan sebaliknya.
2. Promosi akan tamat apabila Bank telah mencapai had seperti yang diperuntukkan dalam **Jadual A** atau pada akhir Tempoh Promosi, yang mana lebih awal.
3. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak (seperti yang ditakrifkan di bawah) telah membaca dengan teliti dan memahami sepenuhnya semua Terma dan Syarat di sini dan bersetuju sepenuhnya untuk terikan dengan dan menerima semua Terma dan Syarat.

KELAYAKAN UNTUK MENYERTA PROMOSI

4. Promosi ini dibuka kepada semua pelanggan Bank yang baharu dan/atau sedia ada yang memegang Akaun Semasa dan/atau Simpanan ("CASA") yang terpilih yang sah dan aktif dengan Bank ("Pelanggan yang Layak"). Akaun CASA yang Layak bagi Promosi ini adalah seperti berikut:
 - Akaun Alliance SavePlus
 - Akaun Alliance Hybrid
 - Akaun Alliance Premium Hybrid
 - Akaun Alliance My eSaving
 - Akaun Basic Savings
 - Alliance Senior Savers
 - Akaun Savings
 - AllianceSave
 - Akaun Basic Current
 - Akaun Current

Untuk mengelakkan sebarang keraguan, mana-mana akaun CASA lain yang tidak dinyatakan di atas, seperti Akaun SaveLink/FlexLink, Share Trading, Akaun Mata Wang Asing, Share Margin Financing Account and Akaun Alliance Buddy/ AllianceSave Pendidikan/ AllianceSave Pendidikan School Adoption Programme/Akaun-i Junior Smart Saver, tidak akan layak untuk Promosi ini.

5. Walaupun memenuhi perkara di atas, individu berikut TIDAK layak untuk menyertai Promosi ini:
 - a) Pelanggan berumur bawah 18 tahun; atau
 - b) Pelanggan yang mempunyai Akaun yang Layak yang dorman, ditutup atau tidak aktif dengan Bank atau yang telah melanggar sebarang perjanjian dengan Bank; atau
 - c) Pelanggan yang mempunyai akaun yang tidak dikendalikan secara memuaskan mengikut polisi dalamannya; atau
 - d) Mana-mana individu lain yang dikecualikan seperti yang ditentukan oleh Bank mengikut polisi dalamannya; atau
 - e) Pekerja tetap dan/atau kontrak ABMB (termasuklah subsidiarinya dan syarikat yang berkaitan); atau
 - f) Pelanggan yang mempunyai akaun yang tertunggak atau tidak dikendalikan secara memuaskan dengan Bank; atau
 - g) Individu yang tidak mampu dari segi kewangan atau yang dihukum bankrap; atau
 - h) Pelanggan yang ingkar dalam sebarang kemudahan yang diberikan oleh Bank (termasuk anak syarikat dan syarikat berkaitan) pada bila-bila masa sebelum atau semasa Tempoh Promosi; atau
 - i) Mana-mana individu lain yang ditentukan oleh Bank untuk dikecualikan mengikut polisi dalamannya; atau
 - j) Entiti bukan individu yang termasuk tetapi tidak terhad kepada pemilikan tunggal, perkongsian, organisasi/pertubuhan amal/bukan untung, pelanggan korporat dan komersial, syarikat tersenarai awam dan syarikat sendirian berhad, kelab, persatuan dan koperasi.

MEKANIK PROMOSI

6. Untuk menikmati Kadar FD Promosi seperti yang dinyatakan dalam Jadual A, Pelanggan yang Layak mesti memenuhi syarat-syarat berikut:
- Menempatkan 70% daripada jumlah penempatan deposit ke dalam akaun FD dan 30% daripada jumlah penempatan ke dalam CASA yang Layak, serta hendaklah diperuntukkan untuk tempoh enam (6) bulan ("Tempoh Peruntukan") yang bersamaan dengan tempoh FD; dan
 - Jumlah minimum bagi keseluruhan penempatan gabungan FD dan CASA adalah RM50,000 dan jumlah maksimum adalah RM1,000,000 bagi setiap pelanggan; dan
 - FD yang mengambil bahagian mesti dibuka oleh Pemegang Akaun Utama CASA yang sama. Bagi Pelanggan yang Layak yang memegang akaun secara bersama dengan pihak lain, semua akaun sedemikian akan dianggap sebagai satu akaun tunggal sahaja berdasarkan nama pemegang akaun utama.

Jadual A: Syarat Kadar Promosi Gabungan FD CASA dan Nisbah Penempatan

Kadar Promosi FD	4.28% setahun
Tempoh Peruntukan CASA and Simpanan Tetap FD	6 bulan
Nisbah Penempatan FD: CASA	7: 3
Jumlah Gabungan Minimum (setiap penempatan)	RM50,000 (RM35,000 ke dalam FD and RM15,000 ke dalam CASA yang Layak)
Jumlah Gabungan Maksimum (setiap pelanggan)	RM1,000,000 (RM700,000 ke dalam FD and RM300,000 ke dalam CASA yang Layak)
Kadar Faedah Efektif Minimum *	3.00% setahun
Kadar Faedah Efektif Maksimum *	3.82% setahun
Jumlah Had Promosi Gabungan	RM200,000,000
Saluran	Over-the-counter (cawangan di Malaysia Timur sahaja)

* Kadar Efektif berbeza mengikut jenis CASA yang Layak dan penempatan FD serta jumlah penempatan CASA. Sekiranya terdapat perubahan pada OPR, kadar promosi dan kadar efektif mungkin akan disemak semula.

7. Untuk layak mendapat Kadar Promosi FD, Pelanggan yang Layak mesti memasukkan Dana Baharu dalam tempoh tujuh (7) hari kalendar sebelum penempatan ke dalam akaun Fd dan CASA yang Layak seperti yang ditunjukkan dalam Jadual A.

"Dana Baharu" ditakrifkan sebagai penempatan dana baharu yang tidak diperoleh daripada mana-mana akaun sedia ada dengan Bank atau anak syarikatnya, termasuk dana yang dipindahkan keluar dari Bank dalam tempoh 7 hari. Ia mestilah bukan dana yang dipindahkan daripada mana-mana Akaun Simpanan/Semasa/Deposit Tetap/Mata Wang Asing sedia ada Bank atau dalam bentuk cek, perintah juruwang atau draf permintaan yang dikeluarkan oleh Bank. Semua jumlah yang bukan Dana Baharu tidak layak untuk Promosi ini.

8. Apabila penempatan awal FD matang, FD akan diperbaharui secara automatik pada kadar semasa. Faedah FD akan ditambah ke dalam jumlah Prinsipal setelah tamat tempoh FD. Kadar semasa FD terdapat di laman web berikut <https://www.alliancebank.com.my/banking/personal/fixed-deposits/fixed-deposit.aspx>
9. Pengeluaran separa untuk FD dalam Promosi ini tidak dibenarkan sepanjang tempoh FD. Jika FD dikeluarkan sebelum tarikh matang, maka faedah yang perlu dibayar, jika ada, akan tertakluk kepada polisi Bank mengenai pengeluaran pramatang. Untuk butiran mengenai klausa pengeluaran pramatang, sila rujuk di bawah:

https://alliancebank.com.my/Alliance/media/Documents/Banking/Deposits_Terms_Conditions_BM.pdf

10. Kadar Promosi and Efektik FD adalah tertakluk kepada semakan dan sekiranya terdapat perubahan pada Kadar Dasar Semalaman (“OPR”), notis akan dikeluarkan di laman web Bank di www.alliancebank.com.my atau melalui cara komunikasi lain yang boleh ditentukan oleh Bank pada masa akan datang.
11. Pelanggan yang Layak perlu melengkapkan borang Peruntukan yang disediakan untuk Promosi ini di cawangan masing-masing di Wilayah Malaysia Timur di mana Pelanggan yang Layak telah melaksanakan Peruntukan mereka. Borang ini kemudiannya mesti diserahkan sewajarnya kepada Bank sebelum penempatan FD, jika tidak, Bank berhak untuk menarik balik Kadar Promosi.
12. Jumlah yang dimasukkan dalam CASA yang Layak akan diperuntukkan oleh Bank untuk tempoh masa seperti yang dinyatakan dalam Jadual A dari tarikh penempatan (“Tempoh Peruntukan”). Berdasarkan penyertaan mereka dalam Promosi ini, Pelanggan yang Layak dianggap telah memberi persetujuan penuh mereka kepada Bank untuk peruntukan tersebut, dan Bank dibenarkan sepenuhnya untuk memperuntukkan Dana Baharu tersebut tanpa sebarang rujukan lanjut kepada Pelanggan yang Layak dan tanpa sebarang liabiliti kepada Pelanggan yang Layak atau pihak lain untuk sebarang akibat yang mungkin timbul atau terhasil daripadanya.
13. Namun demikian, Pelanggan yang Layak dibenarkan untuk mengeluarkan Dana Baharu yang didepositkan daripada Akaun yang Layak (sama ada secara keseluruhan atau sebahagian) sebelum tamat Tempoh Peruntukan. Jika mereka ingin berbuat demikian, permintaan bertulis daripada Pelanggan yang Layak perlu diberikan berkenaan perkara ini dan mesti diterima oleh Bank terlebih dahulu. Kadar Promosi akan ditarik balik dengan serta-merta dan kadar semasa bagi tempoh FD masing-masing akan dikenakan untuk wang dalam FD apabila Peruntukan dikeluarkan.
14. Peletakan FD yang dibuat di bawah Promosi ini tidak akan dibenarkan untuk dijadikan sandaran bagi apa-apa overdraf, kemudahan tunai-i atau mana-mana kemudahan atau pembiayaan lain.

TERMA DAN SYARAT AM

15. Terma dan Syarat ini adalah sebagai tambahan kepada dan tidak mengecualikan mana-mana satu atau lebih daripada satu terma, syarat dan/atau garis panduan sedia ada yang mentadbir dan/atau mengawal selia operasi dan/atau penyelenggaraan akaun atau sebaliknya.
16. Pelanggan yang Layak selanjutnya bersetuju untuk memberi kerjasama dan memenuhi permintaan Bank bagi tujuan penganjuran, promosi dan pelaksanaan Promosi ini. Bank tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti yang timbul atau dialami oleh Pemegang Kad yang Layak yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Promosi ini kerana tindakan pemegang kad itu sendiri. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan atau bertanggungjawab kepada Pelanggan yang Layak dalam apa juga cara sekiranya Bank tidak dapat melaksanakan mana-mana obligasinya di bawah Promosi ini secara langsung atau tidak langsung akibat kejadian force majeure termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, peperangan, mogok, rusuhan, pertikaian industri, sekatan masuk kerja, kebakaran, kemarau, banjir, ribut atau sebarang kejadian di luar kawalan Bank.
17. Semua keputusan yang dilakukan oleh Bank berhubung dengan Promosi ini adalah muktamad dan konklusif. Sebarang rayuan, surat-menyurat, atau pertikaian tidak akan dipertimbangkan.
18. Bank berhak untuk menambah, mengeluarkan, mengubah dan/atau meminda Terma dan Syarat, secara keseluruhan, mengikut polisi dalaman bank dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak. Berdasarkan penyertaan mereka dalam Promosi ini, Pelanggan yang Layak perlu membaca, memahami, bersetuju dan menerima sepenuhnya penambahan, pengeluaran, perubahan dan/atau pindaan tersebut. Untuk versi terkini Terma dan Syarat ini, sila layari

www.alliancebank.com.my dari semasa ke semasa. Sekiranya terdapat sebarang perkara yang tidak konsisten atau bertentangan antara Terma dan Syarat yang terkandung di sini dan versi yang telah dikemas kini, versi yang kemudian akan diterima pakai tetapi hanya setakat bahagian yang tidak konsisten atau bertentangan tersebut sahaja.

19. Sebarang pembatalan, penamatan, penggantungan atau pelenjutan Tempoh Promosi tidak melayakkan Pelanggan yang Layak melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap Bank atau untuk sebarang kerugian, ganti rugi, kos atau perbelanjaan dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan.
20. Bank tidak bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti (termasuk tanpa had, kehilangan pendapatan, keuntungan atau muhibah, secara langsung atau tidak langsung, sampingan, berbangkit, teladan, punitif, atau ganti rugi khas atau prosiding yang dikemukakan oleh mana-mana pihak (termasuk pihak ketiga) yang timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau pihak lain, yang disebabkan secara langsung atau tidak langsung daripada Promosi ini akibat kesalahan Pelanggan yang Layak sendiri.
21. Semua Terma dan Syarat termasuk penambahan, pengeluaran, perubahan dan/atau pindaan yang mungkin dilakukan berkenaan dengannya dari semasa ke semasa akan ditadbir oleh dan ditafsirkan mengikut undang-undang Malaysia dan melainkan sebagaimana dipersetujui sebaliknya oleh Bank, pihak dengan ini bersetuju untuk tunduk kepada bidang kuasa eksklusif Mahkamah Malaysia yang berwibawa.
22. Pelanggan yang Layak dengan ini memahami dan memberi persetujuan bagi pengumpulan data peribadi, pemprosesan, penyimpanan, penggunaan dan pendedahan data peribadi Pelanggan yang Layak (termasuklah tetapi tidak terhad kepada maklumat perhubungan), oleh Bank kepada sekutunya dan penyedia perkhidmatan sebagaimana perlu, bagi tujuan melaksanakan dan menjalankan perkhidmatan Promosi ini. Untuk mengelakkan keraguan, Data Peribadi merangkumi segala data yang ditakrifkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 termasuklah segala data yang telah anda dedahkan.
23. Dengan menyertai Promosi ini, Pelanggan yang Layak bersetuju bahawa mereka telah membaca Penyata Prinsip Notis dan Pilihan yang terdapat di laman web Bank <https://www.alliancebank.com.my/personal-data-protection-act-2010.aspx> dan dengan ini memberikan persetujuan mereka dan membenarkan Bank mendedahkan butiran mereka kepada mana-mana penyedia perkhidmatan pihak ketiga yang digunakan oleh Bank untuk tujuan Promosi ini.
24. Bank telah memulakan dan mengekalkan polisi dan prosedur yang dibentuk untuk mencegah sogokan dan rasuah oleh Bank dan pengarah, pegawai atau kakitangannya; dan sepanjang pengetahuan Bank, Bank mahupun mana-mana pengarah, pegawai, atau kakitangan Bank tidak pernah terlibat dalam sebarang aktiviti atau kelakuan yang melanggar sebarang undang-undang atau peraturan antirasuah dan sogokan yang digunakan oleh Bank. Bank tidak, dan berjanji bahawa ia tidak akan, berkaitan dengan pengendalian aktiviti perniagaannya, berjanji, membenarkan, mengesahkan atau menawarkan untuk membuat, atau mengambil apa-apa tindakan untuk meneruskan sebarang pembayaran, sumbangan, hadiah, pembayaran balik atau pemindahan apa-apa yang bernilai, atau sebarang permintaan, secara langsung atau tidak langsung kepada mana-mana individu.
25. Berdasarkan penyertaan dalam Promosi ini, Pelanggan yang Layak dengan ini mengakui bahawa beliau telah dimaklumkan tentang ringkasan polisi antirasuah dan sogokan Bank yang terdapat di <https://www.alliancebank.com.my/Anti-Bribery-and-Corruption-Summary-of-Policy.aspx> dan seterusnya berjanji tidak akan terlibat dalam amalan rasuah tersebut dalam apa-apa cara sekalipun sama ada secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana pengarah, pegawai atau kakitangan Bank.

Pencegahan dan Pengurangan Penipuan dalam Kewangan dan Perbankan

26. Pihak Bank mungkin dari semasa ke semasa menyediakan maklumat atau kandungan terkini untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran kepada Pelanggan yang Layak mengenai langkah-langkah pencegahan dan pengurangan risiko terhadap penipuan perbankan. Ini adalah tertakluk tetapi tidak terhad kepada tips keselamatan, kemas kini terhadap perisian/ sistem pengendalian/ aplikasi/ versi baharu, dan keperluan peraturan terpakai dari badan-badan pengawalseliaan.
27. Pelanggan yang Layak hendaklah memastikan kesemua instrumen perbankan contohnya buku cek/helaian cek, token keselamatan, kad debit, PIN perbankan telefon, bukti kelayakan log masuk perbankan internet dan mudah alih, dan kod kebenaran transaksi (TAC) adalah berada dalam jagaan selamat. Jika Pelanggan yang Layak menyedari berlaku mana-mana urus niaga atau akses seperti yang disenaraikan di atas adalah didapati hilang atau tidak dibenarkan, Pelanggan yang Layak mestilah dengan serta-merta melaporkannya kepada pihak Bank. Pelanggan yang Layak tidak akan bertanggungjawab atas kerugian yang timbul berikutan daripada urusniaga yang tidak dibenarkan setelah didapati Pelanggan yang Layak telah memaklumkan kepada pihak Bank menurut Terma dan Syarat ini sekiranya terdapat sebarang kehilangan, disalahgunakan, dicuri, terjejas atau di langgar terhadap mana-mana instrumen perbankan Pelanggan yang Layak seperti yang tertera di atas.
28. Jika terdapat apa-apa kerugian atau kerosakan yang dialami oleh Pelanggan yang Layak adalah semata-mata disebabkan oleh kelalaian sengaja oleh pihak Bank, pihak Bank secara tunggal atau keseluruhan liabiliti (berkenaan dengan satu atau lebih daripada satu tuntutan) kepada Pelanggan yang Layak sama ada dalam bentuk kontrak atau tort tidak melebihi jumlah amaun transaksi terhadap tuntutan atau apa-apa tuntutan atau ganti rugi yang di alami, yang mana lebih rendah. Bank tidak akan dipertanggungjawabkan terhadap apa-apa kerugian perniagaan, kerugian keuntungan, pendapatan atau nama baik, kehilangan data, secara tidak langsung, kerugian turutan, khas atau luar jangka, liabiliti, tuntutan, kerugian, perbelanjaan, pembayaran, anugerah, penalti, prosiding dan kos tanpa mengambil kira sama ada kerugian atau ganti rugi tersebut berkemungkinan telah didedahkan, atau telah diramalkan secara munasabah oleh pihak Bank.
29. Apabila sesuatu kejadian telah dimaklumkan oleh Pelanggan yang Layak, pihak Bank akan melaksanakan penyiasatan dan Pelanggan yang Layak di minta untuk menyediakan maklumat yang mencukupi dan berkerjasama untuk memudahkan penyiasatan. Pihak Bank diberikan kuasa untuk menjalankan pengesanan ke atas pencegahan dan pengurangan penipuan perbankan seperti langkah-langkah berikut (dengan/tanpa kebenaran daripada Pelanggan) semasa pihak Bank menjalankan penyiasatan:
- i) Menggantung atau membekukan akaun yang terjejas;
 - ii) Menarik balik atau membatalkan perkhidmatan yang boleh diakses oleh Pelanggan yang Layak melalui Internet atau perkhidmatan Perbankan Mudah Alih; dan/atau
 - iii) Menarik balik kesahan semua instrumen perbankan;

dan Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan setelah kesemua perkara diatas telah dikendalikan.

Nota:

Produk Deposit dilindungi oleh PIDM setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.